

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 06 Jun 2021 23:27
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: NILAI KEPIMPINAN YANG SIGNIFIKAN



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia


6 JUN 2021 / 25 SYAWAL 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NILAI KEPIMPINAN YANG SIGNIFIKAN



UUM ONLINE: Webinar on Values-Based Leadership And Values-Based Performance, Series 2, 2021 'The Rise Of Values-Based Leaders In Action' menjadi platform ketua organisasi untuk berkongsi pandangan dan pengetahuan dalam bidang kepimpinan.

Webinar anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia selama dua hari bermula semalam itu turut disertai Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani yang berkongsi amalan terbaik pemimpin berasaskan nilai-nilai ketelusan, kecemerlangan dan saling peduli antara satu sama lain.

Dalam sesi perkongsian itu, Naib Canselor berkata, terdapat beberapa faktor yang mendorong kejayaan antaranya sumber manusia, proaktif dan bekerja kuat untuk keseimbangan yang harmoni.

"Kejayaan terletak kepada kerja berpasukan untuk pergi jauh selain mempunyai hubungan yang baik, berilmu, komunikasi dua hala, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta lebih dinamik.

“Dalam 'Transformational Leadership', perkara utama ialah semangat berpasukan, kerjasama, sabar, proaktif, dan pengalaman, bagaimanapun untuk menukar sikap dan tingkah laku manusia bukan satu tugas yang mudah namun ia tetap masih boleh dilakukan,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, Covid-19 bukan sahaja menjejaskan sektor industri pelancongan, kewangan bahkan semua sektor turut terjejas termasuk universiti.

Menurutnya, universiti perlu memberi nilai tambah dan menjalin kerjasama rapat dengan industri, badan bukan kerajaan (NGO), swasta dan kerajaan.

“Di samping itu, jenama amat penting dan perlu dimanfaatkan. Ranking bukan sekadar nombor tetapi juga tanggungjawab yang perlu dilunaskan dalam menghasilkan produk bertaraf dunia.

“Masa depan yang lebih mencabar menanti kita di hadapan. Inilah masanya untuk kita bergerak bersama-sama dan tidak boleh bersendirian kerana kerjasamalah yang akan menggerakkan kita maju ke hadapan untuk muncul sebagai universiti berkelas dunia,” katanya.

Sementara itu, Rektor IIUM, Prof. Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak berkata, webinar ini membincangkan dengan lebih mendalam mengenai nilai teras kepemimpinan yang mengembangkan sinergi berkesan di antara Universiti Awam.

Menurutnya, pelbagai isu yang boleh dikupas dalam platform secara online ini dan apa yang boleh diusahakan untuk melakukan perubahan nilai yang perlu diterapkan dalam kepimpinan dalam era pandemik untuk menjadikan Malaysia lebih baik pada masa hadapan.

Katanya, Akademi Kepimpinan Pendidikan tinggi (AKEPT), Kementerian Pengajian Tinggi KPT dengan kerjasama IIUM menganjurkan webinar untuk mengenal pasti masalah etika umum dalam organisasi dan bagaimana untuk mengintegrasikan nilai dalam pembuatan keputusan pengurusan.

“Saya berterima kasih di atas penyertaan Naib-naib Canselor yang sudi berkongsi ilmu dan pandangan mereka tentang kepimpinan ini,” katanya pada pembukaan siri webinar tersebut yang diadakan di aplikasi Zoom.

Webinar selama dua hari ini terdapat enam sesi bersama pemimpin atau ketua organisasi seperti dari Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaysia Sabah serta mantan Menteri Pendidikan dari Bhutan, Prof. Thakur S. Powdyel.

UUM
CORPORATE COMM.

☎ 04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📍 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.